



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

14 DISEMBER 2023 (KHAMIS)

78 Kambing Seludup Dirampas

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Astro Awani	Berita Malaysia	Online	14 Dis



Kambing-kambing yang diseludup itu diletakkan dalam guni dalam sebuah lori berbungkus. - Astro AWANI

KUALA TERENGGANU: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Terengganu berjaya mematahkan cubaan menyeludup 78 ekor kambing yang bernilai kira-kira RM100,000.

Ia susulan penahanan dua lelaki yang berusia 30-an di Kampung Penarik, Setiu kira-kira jam 7.30 malam pada Rabu.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar Negeri, Dr Azman Ibrahim berkata terdahulu pasukan

risikan yang menjalankan perisikan di sempadan Kelantan-Terengganu telah mengesan sebuah lori dalam keadaan mencurigakan.

Katanya susulan itu pasukan berkenaan telah mengekori selama satu jam sebelum penahan dilakukan yang membawa penemuan kambing tidak mempunyai sebarang dokumen dan permit pemindahan.

"Disyaki diseludup daripada negara jiran dan kambing-kambing ini diletakkan dalam guni dalam sebuah

lori berbungkus.

"Semua hasil tangkapan dibawa ke Jabatan Veterinar Terengganu dan akan disiasat di bawah Seksyen 36 Akta Binatang 1953. Selain itu nilai rampasan dianggarkan RM100,000," katanya.

Beliau berkata pemandu dan kelindan lori berkenaan ditahan untuk siasatan lanjut.

Azman berkata pihaknya tidak menolak kemungkinan kambing seludup berkenaan dipercayai untuk pasaran di luar Terengganu.

Jelas Azman lagi setakat tahun ini sebanyak 12 kes penyeludupan kambing telah dilakukan.

Katanya menerusi itu lebih 500 ekor kambing juga telah dirampas membabitkan nilai lebih RM1 juta.-[ASTROAWANI](#)

Terengganu JPV Seizes 78 Smuggled Goats

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
The Sun	Local	Online	14 Dis



-BERNAMAPIX

KUALA TERENGGANU: The Terengganu Veterinary Services Department (JPV) seized 78 goats, worth an estimated RM100,000, believed to have been smuggled from Thailand last night.

State Agriculture, Agro-based Industry, Food Security and Commodity Committee chairman Dr Azman Ibrahim said two men, a driver and his assistant who are in their 30s, were arrested during the 7.30 pm seizure.

“Earlier, the Terengganu JPV enforcement team had tailed a

lorry from the Kelantan-Terengganu border around Tok Bali in Kelantan before detaining the vehicle in Jalan Penarik in Setiu about an hour later.

“The team found 78 goats placed in gunny sacks and there were no documents or permits for transferring the animals,” he told a media conference here last night, which was also attended by state JPV director Dr Anun Man.

Dr Azman said that based on preliminary information, the

goats were meant to be delivered to the markets in several other states and the case is being investigated under Section 36 of the Animals Act 1953.

He added that this was the 12th time that the Terengganu JPV had seized smuggled goats, with a total of 521 seized so far with a total value of RM1.1 million. -

[Bernama](#)

Sorok 78 Kambing Seludup Dalam Guni

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo!	Negara	Online	14 Dis



Kakitangan JPV Terengganu memeriksa sebahagian daripada 78 ekor kambing yang disyaki diseludup di pejabat JPV Terengganu, Kuala Terengganu hari ini.

KUALA TERENGGANU – Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu berjaya mematahkan cubaan menyeludup 78 ekor kambing dipercayai dari negara jiran di Kampung Penarik, Setiu pada kelmarin.

Lori membawa kambing-kambing terbabit berjaya dipintas pasukan penguat kuasa JPV negeri pada pukul 7.30 malam.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu, Dr. Anun Man berkata, sebelum itu, lori

membawa kambing seludup berkenaan diekori kira-kira sejam dari Tok Bali, Kelantan.

“Pemeriksaan di dalam lori itu mendapati 78 ekor kambing tersebut dimasukkan dalam guni dan disorokkan dalam kanvas bertutup di bahagian belakang kenderaan itu.

“Kegiatan menyeludup kambing dari negara jiran semakin menjadi-jadi sejak akhir-akhir ini dengan 521 ekor haiwan ternakan itu dirampas sejak awal tahun ini,” katanya pada sidang

akhbar di pejabat JPV
Terengganu di sini hari ini

Nilai keseluruhan rampasan
dianggarkan hampir RM1.1
juta.

Tambah beliau, kegiatan
menyeludup hawian itu amat
membimbangkan kerana
pemeriksaan JPV mendapati
kebanyakan kambing
dirampas memiliki gejala
penyakit 'tuberkulosis' atau
TB. – [KOSMO! ONLINE](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR